

Isu SAPP

patut

B-H

pererat

28/06/08

lagi BN

M/S10

MESYUARAT Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) kelmarin mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Parti Maju Sabah (SAPP) supaya menjelaskan hasrat kepemimpinan parti itu untuk menyokong undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. SAPP mempunyai masa 30 hari bagi membuat penjelasan dan sebarang perkembangan baru dalam tempoh berkenaan turut menjadi asas kepada Dewan Tertinggi BN menentukan sama ada parti itu hanya diberi amaran, digantung atau dipecat. Majlis Tertinggi SAPP pada 20 Jun lalu, memutuskan untuk menyokong supaya usul undi tidak percaya terhadap kepemimpinan Abdullah dikemukakan di Dewan Rakyat. Presidennya, Datuk Yong Teck Lee mengisytiharkan parti itu hilang kepercayaan terhadap Perdana Menteri dan dua Ahli Parlimennya, Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) dan Datuk Dr Chua Soon Bui (Tawau) dilaporkan akan menyokong usul undi tidak percaya terhadap Abdullah pada sidang Dewan Rakyat tetapi ia tidak berlaku.

Pendirian SAPP sehingga menggemparkan politik negara itu amat bertentangan dengan kepentingan BN selain menyentuh soal integriti dan disiplin BN. Penubuhan BN yang dulunya dikenali sebagai Perikatan adalah berlandaskan semangat perkongsian kuasa, iaitu semua seharusnya 'sehati sejiwa' dan semangat bekerjasama itu sentiasa wujud. Oleh itu, sebarang tindakan yang bercanggah dengan amalan perkongsian kuasa BN, boleh mengundang padah. Kita boleh meramalkan apakah bentuk tindakan terhadap

SAPP tetapi dalam politik segala kemungkinan boleh berlaku. Ia bergantung kepada penjelasan bertulis SAPP ketika menjawab surat tunjuk sebab itu nanti. Pada masa yang sama, kita berharap wakil SAPP atau Yong hadir pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN apabila membincangkan bentuk tindakan terhadap parti itu nanti. Jawapan bertulis tidak memadai dan sudah pasti ada wakil parti komponen BN yang lain ingin bersemuka untuk bertanya secara terus kepada wakil SAPP itu sendiri dan begitu juga bagi SAPP yang mungkin ingin memberi penjelasan lanjut secara bersemuka dalam pembelaan diri. Setakat petang semalam, SAPP atau Yong belum memberi reaksi terhadap keputusan mesyuarat Dewan Tertinggi BN itu. Mungkin SAPP nanti boleh memberi penjelasan terperinci mengapa mereka mahu menyokong undi tidak percaya itu. Mesyuarat tergemparnya di Kota Kinabalu, baru-baru ini tidak membuat sebarang keputusan sama ada untuk kekal atau keluar daripada BN. Kebiasaannya sebelum ini, sesebuah parti yang melakukan tindakan bertentangan dengan disiplin dan permuafakatan BN, berdepan risiko dipecat atau terlebih dulu mengumumkan keluar daripada BN. Namun, kita tidak pasti apakah pendirian sebenar SAPP selepas undi tidak percaya yang diuar-uarkan tidak menjadi kenyataan.

Amat jelas tindakan ini boleh memudaratkan SAPP itu sendiri kerana BN yang kini dianggotai 14 parti komponen, termasuk SAPP tidak mampu untuk mempunyai ahli yang bagaikan 'duri dalam daging' ketika keadaan politik masih berkecamuk. Sepatutnya, dalam keadaan sekarang apatah lagi negara berdepan lonjakan harga minyak dan makanan sedunia hingga memaksa kerajaan menstruktur semula subsidi bahan api dalam negara, semua parti komponen seharusnya bekerjasama rapat. Jika timbul sebarang masalah atau tidak puas hati terhadap sesuatu termasuk permasalahan dihadapi rakyat Sabah, hendaklah dibincang secara tertutup supaya lebih mudah ditangani daripada mendedahkannya untuk pengetahuan umum terlebih dulu yang lazimnya mendatangkan kesan negatif